

1) BENGKEL MEMPERKASAKAN PEMBIMBING RAKAN SISWA (PRS) “Team Building” POLISAS

Unit Kaunseling telah menganjurkan satu program iaitu ‘team building’ untuk pelajar-pelajar Pembimbing Rakan Siswa (PRS) bertempat di D’Ambang Resort, Pekan. Program ini diadakan selama dua hari pada 19 dan 20 Februari 2011 dan disertai seramai 40 orang pelajar ahli kelab pembimbing rakan siswa (PRS).

Tujuan program ini diadakan untuk mempersiapkan ahli-ahli kelab dengan pengetahuan asas menolong serta sentiasa bersedia dan sanggup memikul sebarang tanggungjawab yang diamanahkan dan melaksanakan dengan professional, kreatif, inovatif, berkesan dan sempurna dalam pengurusan harian.

Objektif program ini diadakan adalah untuk memupuk kekuatan jati diri, mental dan komitmen sebagai pembimbing rakan siswa serta mempunyai rasa bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas. Antara pengisian program ini adalah lebih kepada aktiviti lasak yang dapat menguji kekuatan fizikal, mental dan emosi peserta seperti jungle tracking, berakit di Sungai Pahang, jungle obstacle dan night drop.

Daripada penilaian program yang dilakukan peserta sangat seronok dan gembira dengan aktiviti yang dilakukan ini dan berharap program ini dapat diadakan setiap semester untuk memberi pendedahan kepada setiap ahli pembimbing rakan siswa (PRS) tentang kehidupan dan dapat diaplikasikan dalam kehidupan seharian.



